

Agong dukacita air tercemar

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN

zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Isu pencemaran air yang mengakibatkan lima juta pengguna di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air turut mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (**gambar**) yang menzahirkan perasaan dukacita terhadap kejadian tersebut.

Seri Paduka meluahkan rasa simpati kepada rakyat yang terpaksa beratur panjang untuk mengambil air sepanjang gangguan bekalan itu.

“Pihak-pihak yang disyaki harus dibawa ke muka pengadilan dan jika didapati bersalah, kenakan tindakan tegas dan hukuman yang lebih berat supaya



menjadi pengajaran.

“Ini adalah untuk memastikan kelestarian alam terpelihara dan mengelak berlaku lagi pencemaran sungai yang mem-

beri kesan kepada kehidupan dan kesejahteraan rakyat,” titah baginda dalam majlis menerima menghadap Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man di Istana Negara, semalam.

Al-Sultan Abdullah yang mengikuti perkembangan sejak hari pertama gangguan bekalan air tidak berjadual itu amat prihatin terhadap keluh kesah rakyat dalam mengharungi situasi tersebut.

Seri Paduka menyifatkan pencemaran Sungai Gong sebagai satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab kerana ia merupakan kes pencemaran berulang.

“Pihak berkuasa khususnya Kementerian Alam Sekitar dan Air diseru untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi

memastikan kes pencemaran sungai seumpama ini dapat dibendung dengan berkesan dan tidak berulang,” titahnya.

Seri Paduka turut menyokong tindakan kerajaan Selangor yang mengarahkan supaya pemilik premis yang menjadi punca pencemaran air merobohkan struktur bangunan.

“Ini kerana tanah persendirian yang dibangunkan sebagai premis penyelenggaraan jentera berat itu didapati tidak mempunyai kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan.

Baginda menambah, penjagaan alam sekitar perlu diberi fokus oleh pihak berkuasa dan pembentukan jati diri serta sa- yang kepada alam sekitar perlu didedahkan dengan memberi didikan awal kepada anak-anak menerusi penganjuran aktiviti dan program yang sesuai.